



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**PELAKSANAAN KAUNSELING ISLAM ; SATU KAJIAN  
TENTANG OPERASI YANG DIJALANKAN OLEH  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU  
(JHEAT)**

**OLEH :**

**MOHD ADNAN BIN ABDULLAH  
(G 9610345)**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN SYARAT MEMEPEROLEHI  
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN  
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
(DAIJ)**

**BAGI SESI 1996/97**

**KULIYYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
MALAYSIA, GOMBAK**

**(JUN 1997)**

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

27 RABIUL AWAL 1418 H  
1 OGOS 1997 M

**MOHD ADNAN BIN  
ABDULLAH  
G 9610345**

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi syukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya maka penulis dapat menyiapkan latihan ilmiah dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan khas buat Dr. Norhashimah binti Mohd Yasin, selaku penyelia yang telah memberi sumbangan idea, panduan dan bimbingan kepada penulis dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga, jutaan terima kasih buat semua tenaga pengajar DAIJ sesi 1996/1997 di atas sumbangan ilmu yang ditaburkan, semoga Allah jua memberikan ganjaran yang setimpal terhadap jasa dan pengorbanan yang dicurahkan.

Melalui ruangan dan kesempatan yang terhad ini juga, penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu khususnya Dato' Pesuruhjaya dan pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu yang telah meluluskan cuti belajar kepada penulis. Juga tidak ketinggalan kepada Puan Shamsiah binti Dato' Haji Awang, Puan Che Tom binti Ibrahim, Encik Mohd Ariffin bin Abdullah dan Ustaz Shamsuddin bin Draman yang telah sudi membantu penulis bagi menyiapkan latihan ilmiah ini.

Tidak ketinggalan buat insan yang tersayang dalam hidup ini khususnya buat ibu tercinta, isteri Dr. Nor Azimi binti Yunus serta anak-anak Mohd Faiz Nuwairi dan Alya Athirah yang telah banyak berkorban demi untuk kejayaan penulis menamatkan pengajian dan menyiapkan projek ini. Ribuan terima kasih di atas sokongan dan dorongan kalian, penulis doakan semoga pengorbanan kalian mendapat keberkatan dari Allah s.w.t. jua

Akhirnya ucapan terima kasih juga kepada semua kawan-kawan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberi sokongan idea kepada penulis bagi menyiapkan latihan ilmiah ini.

Semoga penulisan ini dapat dimanfaatkan dan penulis mengharapkan sekiranya terdapat kekurangan bolehlah ditokok tambah demi untuk meningkatkan kecermalangan ilmu.

Sekian, terima kasih.

Mohd Adnan bin Abdullah  
DAIJ Sessi 1996/97  
Kuliyah Undang-Undang  
Universiti Islam Antarabangsa

40A-Kg. Matang,  
21700 Kuala Berang,  
Hulu Terengganu  
Terengganu

## ABSTRAK

Pelaksanaan kaunseling Islam merupakan satu proses bimbingan yang diterokai melalui bidang psikologi berdasarkan prinsip-prinsip kaunseling yang dianjurkan oleh ajaran Islam. Kajian ini cuba membuat penilaian kepada pelaksanaan kaunseling Islam dengan menumpukan perhatian kepada operasi yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). Perbincangan dalam kajian ini melibatkan aktiviti-aktiviti kaunseling yang dikendalikan oleh Unit Khidmat Nasihat berhubung dengan masalah kekeluargaan. Hasil kajian di JHEAT menunjukkan sesi kaunseling yang dijalankan adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Selain dari itu, pihak JHEAT banyak mengendalikan masalah-masalah yang diadu oleh klien perempuan berbanding dengan klien lelaki dan masalah tersebut banyak melibatkan perkara "tiada persefahaman" diantara klien dengan pasangannya. Perkara-perkara lain yang banyak dikendalikan ialah masalah ditinggal oleh pasangan masing-masing, campurtangan keluarga, masalah kewangan/nafkah dan sebagainya. Perkhidmatan kaunseling Islam di JHEAT mendapat sambutan yang menggalakkan berdasarkan kepada peningkatan bilangan mereka yang mendapatkan perkhidmatan tersebut dari masa ke semasa. Analisa yang dibuat seterusnya menunjukkan majoriti masyarakat berpuashati dengan operasi kaunseling yang dijalankan oleh JHEAT. Namun begitu terdapat beberapa pandangan dan kritikan yang dikemukakan oleh mereka supaya dapat diberi perhatian sewajarnya oleh JHEAT. Antaranya berhubung dengan tempat diadakan sesi kaunseling, gangguan semasa sesi kaunseling dijalankan dan sebagainya. Akhirnya kajian ini memaparkan beberapa saranan dan cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan kaunseling Islam di JHEAT.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>HALAMAN JUDUL</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	i.
<b>ABSTRAK</b>	ii.
<b>KANDUNGAN</b>	iii.
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii.
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii.
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	ix.
<b>TRANSLITERASI</b>	x.
<b>PENDAHULUAN</b>	xiii
<b>BAB 1 : KAUNSELING ISLAM SECARA UMUM</b>	
Definisi Kaunseling Islam	1
Konsep manusia dalam pembentukan teori kaunseling Islam	7
Hubungan kaunseling dengan hisbah	11
Kepentingan kaunseling Islam	14
Objektif kaunseling Islam	15
Prinsip kaunseling Islam	19
Penyelesaian masalah menurut Islam	22
Metodologi dalam pelaksanaan kaunseling Islam	25
Prosedur dan teknik dalam melaksanakan kaunseling	29 •

	<b>Halaman</b>
Definisi kaunselor	33
Ciri-ciri kaunselor muslim	34
Hubungan kaunselor dengan klien	39
Kaunseling menurut Perspektif Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 1985	40
Kesimpulan	44
<b>BAB 2 : PELAKSANAAN KAUNSELING ISLAM DI JHEAT</b>	
Latarbelakang Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)	46
Struktur organisasi JHEAT	47
Operasi Kaunseling Yang Dijalankan oleh Unit Kaunseling Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam	53
Unit Kaunseling JHEAT	54
Kemudahan kaunseling yang disediakan	55
Prosedur kaunseling yang dijalankan	56
Perkara-perkara yang dikendalikan	61
Masalah-masalah yang dihadapi	64
Peranan Kaunselor JHEAT Dalam Melaksanakan Kaunseling	66
Laporang Unit Khidmat Nasihat JHEAT	68
Kesimpulan	71

**BAB 3 : SAMBUTAN MASYARAKAT TERHADAP  
PELAKSANAAN KAUNSELING ISLAM DI JHEAT**

Pandangan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Kaunseling Islam di Terengganu	73
Maklumat diri responden	73
Maklumat responden tentang pelaksanaan kaunseling Islam di Terengganu	77
Kemudahan yang disediakan	83
Kaunselor yang menjalankan tugas	84
Masalah yang dihadapi	87
Keberkesanan Kaunseling Islam di JHEAT dalam Menyelesaikan Masalah	88
Kesimpulan	91

**BAB 4 : ANALISA TERHADAP PELAKSANAAN  
KAUNSELING ISLAM DI JHEAT**

Analisa operasi kaunseling Islam di JHEAT	93
Analisa sambutan masyarakat terhadap kaunseling Islam di JHEAT	96
Masalah Yang Dihadapi Serta Langkah-langkah Yang Patut Diambil	99
Kemudahan kaunseling	99
Prosedur kaunseling	101
Sikap klien	102
Sikap kaunselor	103
Keberkesanan kaunseling	105
Kesimpulan	107

**BAB 5 : PENUTUP**

Saranan dan cadangan

109

Kesimpulan

112

**RUJUKAN****LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Laporan aduan perempuan dari bulan Januari hingga Jun 1997	62
2.2	Laporan aduan lelaki (suami) dari bulan Januari hingga Jun 1997	63
2.3	Taburan Klien yang mendapat perkhidmatan kauceling Islam di JHEAT mengikut Jantina dan Tahun	69
2.4	Taburan aduan yang diterima dalam perkhidmatan kauceling Islam mengikut daerah	70
3.1	Taburan responden mengikut Jantina	73
3.2	Taburan responden mengikut peringkat umur	74
3.3 (a)	Taburan responden mengikut taraf pendidikan	74
3.3 (b)	Taburan responden mengikut aliran pendidikan	75
3.4	Taburan responden mengikut pekerjaan	76
3.5	Taburan responden mengikut status perkahwinan	76
3.6	Pengetahuan responden tentang kauceling Islam	77
3.7	Pendapat dan pandangan responden tentang kauceling Islam	79
3.8	Pilihan responden terhadap pelaksanaan kauceling	80
3.9	Kekerapan responden mendapatkan perkhidmatan Kauceling Islam di JHEAT	82
3.10	Pandangan responden terhadap kemudahan yang disediakan	83
3.11	Pandangan responden tentang sikap/sifat kaucelor	85
3.12	Pandangan responden tentang hubungan antara kaucelor dengan klien	86
3.13	Pandangan responden tentang masalah yang dihadapi	87
3.14	Pandangan responden selepas sesi kauceling dijalankan	89
3.15	Pandangan responden terhadap penyelesaian masalah melalui sesi kauceling di JHEAT	90

**SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Struktur organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	49
2.2	Struktur organisasi bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam	54 A
2.3	Tangga bimbingan	60

**SENARAI STATUT**

**Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985**

**SENARAI SINGKATAN**

DAIJ	- Diploma In Law And Admanistration Of Islamic Judiciary
JHEAT	- Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
Jil	- Jilid
Jzk	- Juzuk
Ibid	- Di tempat yang sama
Cet	- Cetakan
Peg	- Pegawai
Pemb	- Pembantu
t th	- Tiada tahun
s w t	- Subhanahu wata'ata
s a w	- Salallahu 'alaihi wasallam
DBP	- Dewan Bahasa dan Pustaka
BAHEIS	- Bahagian Hal Ehwal Islam

## SISTEM TRANSLITERASI PERKATAAN ARAB

### Jadual Transliterasi

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	<i>sa'ala</i>
ب	<i>b</i>	بدل	<i>badala</i>
ت	<i>t</i>	تمر	<i>tamr</i>
ث	<i>th</i>	ثورة	<i>thawrah</i>
ج	<i>j</i>	جمال	<i>jamāl</i>
ح	<i>ḥ</i>	حديث	<i>ḥadīth</i>
خ	<i>kh</i>	خالد	<i>khālid</i>
د	<i>d</i>	ديوان	<i>dīwān</i>
ذ	<i>dh</i>	مذهب	<i>madhhab</i>
ر	<i>r</i>	رحمن	<i>raḥmān</i>
ز	<i>z</i>	زمزم	<i>zamzam</i>
س	<i>s</i>	سراب	<i>sarāb</i>
ش	<i>sh</i>	شمس	<i>shams</i>
ص	<i>ṣ</i>	صبر	<i>ṣabr</i>
ض	<i>ḍ</i>	ضمير	<i>ḍamīr</i>
ط	<i>ṭ</i>	طاهر	<i>ṭāhir</i>
ظ	<i>ẓ</i>	ظهر	<i>ẓuhr</i> •
ع	<i>ʿ</i>	عبد	<i>ʿabd</i>

غ	<i>gh</i>	غيب	<i>ghayb</i>
ف	<i>f</i>	فقه	<i>fiqh</i>
ق	<i>q</i>	قاضى	<i>qādī</i>
ك	<i>k</i>	كأس	<i>ka's</i>
ل	<i>l</i>	لبن	<i>laban</i>
م	<i>m</i>	مزمار	<i>mizmār</i>
ن	<i>n</i>	نوم	<i>nawm</i>
ه	<i>h</i>	هبط	<i>habaṭa</i>
و	<i>w</i>	وصل	<i>waṣl</i>
ي	<i>y</i>	يسار	<i>yasār</i>

### VOKAL

#### Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
ا	<i>a</i>	فعل	<i>fa'ala</i>
ي	<i>i</i>	حسب	<i>ḥasiba</i>
و	<i>u</i>	كتب	<i>kutiba</i>

#### Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
اى	<i>ā</i>	قضى، كاتب	<i>kātib, qaḍā</i>
ي	<i>ī</i>	كريم	<i>karīm</i>
و	<i>ū</i>	حروف	<i>ḥurūf</i>

Diftong	Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
	و	aw	قول	qawl
	ى	ay	سيف	sayf
	ى	iy	رجعى	raj'iy atau raj'ī (di akhir)
	و	uww	عدو	'adurww atau 'adū (di akhir)

## PENDAHULUAN

Keperluan manusia kepada kaunseling Islam sememangnya tidak dapat dinafikan terutamanya dalam kepesatan pembangunan negara yang telah menimbulkan pelbagai masalah dan mencetuskan konflik sosialisasi yang kian membimbangkan. Fenomena tersebut membawa perubahan dalam masyarakat dan meresapnya anasir-anasir yang tidak diingini seperti dadah, AIDS, rompakan, pelacuran, penyelewengan dan sebagainya. Anasir-anasir tersebut melibatkan kesan-kesan kejiwaan, yang memerlukan bimbingan dan kaunseling. Oleh itu kaunseling Islam merupakan satu-satunya alternatif yang memberi penekanan kepada aspek-aspek spiritual manusia dalam menangani sebarang masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa pendekatan kaunseling Islam telah diamalkan dalam tradisi hidup Islam, memandangkan Al Quran dan As Sunnah diturunkan oleh Allah sebagai panduan dan pegangan hidup seluruh insan bagi mencapai kesempurnaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Ini jelas menunjukkan tentang kepentingan kaunseling Islam dalam memberi bimbingan dan panduan kepada manusia, seterusnya mencapai keredhaan Allah s.w.t.

Atas kesedaran tersebut kita dapati pelaksanaan kaunseling Islam telah dijalankan secara meluas di Malaysia samada oleh institusi kerajaan atau bukan kerajaan. Sehubungan dengan itu Jabatan Hal Ehwal Agama Terenggan (JHEAT) telah mengambil inisiatif yang sama dengan melaksanakan kaunseling Islam sebagai salah satu daripada operasi pendakwaan dan keagamaan. Ini untuk memberi kemudahan kepada orang ramai mendapatkan bimbingan.

Oleh itu, "*Pelaksanaan Kaunseing Islam : satu kajian tentang operasi yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terenggan (JHEAT)*" akan cuba membincangkan tentang kaunseling Islam dan perkara-perkara yang berkaitan, khusus berhubung dengan operasi yang dijalankan oleh JHEAT. Penulisan ini akan memberi tumpuan kepada kaunseling Islam itu sendiri, operasi pelaksanaannya di JHEAT, sambutan masyarakat, keberkesanannya, permasalahan yang timbul, langkah-langkah yang diambil serta saranan-saranan

### **Tujuan Kajian**

Penulisan "*Pelaksanaan Kaunseing Islam : satu kajian tentang operasi yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terenggan (JHEAT)*" secara umumnya bertujuan untuk dibuat kajian khusus dan menilai perkara ini secara ilmiah. Meskipun penulisan tentang kaunseling Islam telah banyak dihasilkan namun pendekatan khusus terhadap pelaksanaannya masih (khusus dalam konteks negeri Terengganu) belum diterokai secara menyeluruh.

Justeru itu, penulis telah memilih pelaksanaan kaunseling Islam yang dijalankan di JHEAT sebagai kajian kes untuk menilai pelaksanaan kaunseling Islam di negeri Terengganu. Lanjutan daripada perkara tersebut, penulisan ini bertujuan untuk menilai pandangan dan sambutan masyarakat terhadap pelaksanaan tersebut.

## **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini penulis menggunakan dua metod utama untuk mendapatkan bahan atau maklumat iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan dan soal selidik

### **1. Kajian Perpustakaan**

Menerusi kajian perpustakaan, penulis mendapatkan buku-buku yang membincangkan tentang kaunseling Islam dari segala aspek. Selain dari itu, kertas-kertas kerja yang dibentangkan di seminar atau bengkel berhubung dengan kaunseling Islam turut dikaji oleh penulis untuk mengemaskini lagi penulisan ini. Penulis juga mendapatkan bahan-bahan dari akhbar terutamanya Berita Harian yang berkaitan dengan persoalan tersebut.

### **2. Kajian Lapangan**

Dalam kajian ini penulis telah menemubual beberapa orang pegawai JHEAT seperti Puan Shamsiah binti Dato' Haji Awang dan Puan Tom binti Ibrahim. Mereka adalah di antara pegawai yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan kaunseling Islam di JHEAT. Oleh itu, menerusi kajian ini, penulis membuat penyelidikan tentang operasi kaunseling Islam yang dilaksanakan oleh JHEAT dari segala aspek. Menerusi kajian ini juga, penulis telah membuat tinjauan melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden yang dipilih di kalangan masyarakat Terengganu. Dari sini penulis

dapat mengetahui pandangan dan sambutan masyarakat terhadap pelaksanaan kaunseling Islam di JHEAT. Soal selidik tersebut mengandungi tiga bahagian iaitu:-

a) **Bahagian A :**

Maklumat Diri Responden

- Untuk mengetahui tentang diri responden yang dipilih secara sepintas lalu. Bahagian ini mengandungi enam soalan meliputi tentang jantina, umur, taraf pendidikan, aliran pendidikan, pekerjaan dan status perkahwinan.

b) **Bahagian B**

Maklumat Responden Tentang Pelaksanaan Kaunseling Islam

- Untuk mengetahui pandangan masyarakat Terengganu secara umum terhadap pelaksanaan kaunseling Islam. Bahagian ini mengandungi sembilan soalan iaitu dari soalan 7 hingga 15.

c) **Bahagian C**

Maklumat Responden Tentang Operasi Kaunseling Islam Yang dijalankan di JHEAT

- Untuk mengetahui pandangan masyarakat tentang operasi kaunseling Islam yang dijalankan oleh JHEAT secara khusus. Bahagian ini mempunyai 24 soalan dan ianya hanya khusus dijawab oleh responden yang pernah mendapatkan perkhidmatan kaunseling Islam di JHEAT sahaja (Contoh soal selidik boleh didapati di dalam Lampiran).

**Sampel kajian atau responden dalam penyelidikan ini terdiri daripada masyarakat Terengganu, terutamanya mereka yang tinggal di sekitar Kuala Terengganu. Pemilihan kepada daerah Kuala Terengganu sahaja adalah untuk memudahkan penulis mendapatkan responden, terutamanya mereka yang pernah mendapatkan perkhidmatan kaunseling Islam di JHEAT. Dalam hal ini penulis mendapatkan kerjasama sepenuhnya dari Unit Khidmat Nasihat JHEAT terutamanya mendapatkan latarbelakang responden yang pernah mendapatkan perkhidmatan kaunseling Islam di sana.**

### **Organisasi Penyelidikan**

Dalam penulisan ini, penulis membuat perbincangan berdasarkan lima bab. Setiap bab mempunyai kaitan dengan bab-bab seterusnya berdasarkan tajuk-tajuk tertentu. Dalam bab pertama penulis akan membincangkan tentang kaunseling Islam secara umum merangkumi definisi kaunseling Islam serta penekanan kepada konsep manusia dan hubungan kaunseling dengan Hisbah. Seterusnya dikemukakan pula keperluan manusia terhadap kaunseling Islam dan pelaksanaannya dari pendekatan Islam. Menerusi bab ini juga dibincangkan tentang ciri-ciri kaunselor Muslim dalam melaksanakan kaunseling Islam serta kedudukan kaunseling dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Terengganu 1985.

Bab kedua membincangkan pelaksanaan kaunseling Islam di JHEAT dengan menumpukan perhatian kepada operasi yang dijalankan. Di samping itu, turut dibincangkan tentang proses pelaksanaannya dari segi kemudahan, prosedur, perkara

yang dikendalikan serta masalah yang timbul. Penulis juga akan turut meninjau peratus kehadiran klien yang mendapat perkhidmatan tersebut berdasarkan tahun dan daerah serta peranan yang dimainkan oleh kaunselor JHEAT dalam menyelesaikan masalah klien.

Bab ketiga, membincangkan sambutan masyarakat terhadap pelaksanaan kaunseling Islam di JHEAT berdasarkan soal selidik yang dikemukakan. Dalam hal ini penulis akan meninjau pandangan mereka terhadap kemudahan yang disediakan, kaunselor yang menjalankan tugas serta masalah yang dihadapi. Seterusnya penulis menyelidik pula tentang keberkesanan kaunseling Islam di JHEAT dalam memberi bimbingan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat.

Penyelidikan dalam bab keempat diteruskan lagi dengan membuat analisa keseluruhan terhadap pelaksanaan kaunseling Islam di JHEAT merangkumi analisa tentang operasi kaunseling yang dijalankan serta sambutan masyarakat terhadapnya. Seterusnya penulis cuba mengemukakan masalah yang dihadapi serta langkah-langkah yang patut diambil hasil daripada kedua-dua perbincangan di atas.

Bab kelima merupakan bahagian akhir Latihan Ilmiah ini yang memuatkan penutup dengan memaparkan beberapa saranan dan cadangan agar dapat diberi perhatian oleh pihak JHEAT. Akhir sekali penulis membuat kesimpulan secara keseluruhan.

# **BAB 1**

# BAB 1

## KAUNSELING ISLAM SECARA UMUM

### **Kaunseling Islam Secara Umum**

Kaunseling Islam merupakan salah satu bidang yang seringkali diperkatakan sejak akhir-akhir ini memandangkan kepentingannya dalam menangani sebarang masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Manusia pada zaman moden ini seringkali berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan terutamanya dalam bidang-bidang yang boleh mendatangkan bahaya kepada rohani dan jasmani. Oleh itu mereka memerlukan pertolongan atau bantuan untuk menyelesaikan cabaran dan dugaan yang dihadapi itu. Dalam keadaan demikian, kaunseling Islam merupakan satu alternatif yang boleh memainkan peranan yang penting dalam memberikan perkhidmatan atau bantuan kepada mereka yang memerlukannya.

### **Definisi Kaunseling Islam**

Kaunseling merupakan satu istilah biasa yang diungkapkan seperti menolong, membantu, memberi nasihat dan sebagainya. Perkataan kaunseling adalah berasal dari katakerja “to counsel” yang bererti memberi nasihat (petunjuk, teguran), menasihatkan, mengemukakan cadangan (pendapat) dan mengesyorkan.<sup>1</sup> Ringkasnya kaunseling ialah memberi nasihat, petunjuk atau cadangan sesuatu yang baik kepada orang lain, dengan cara bersemuka antara satu sama lain.

---

<sup>1</sup>Dewan Bahasa Dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia, *Kamus Dwi Bahawa*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 29

### **Definisi Kaunseling Secara Umum**

Terdapat banyak definisi kaunseling yang diberikan oleh ahli-ahli profesional dalam bidang ini. Namun begitu, secara umumnya mempunyai maksud yang sama. Menurut Tolber, kaunseling didefinisikan sebagai satu bidang yang memberi khidmat membantu individu membuat penyesuaian dan keputusan yang berkesan bagi memanfaatkan diri dan keperluan masa depan.<sup>2</sup>

Garth J. Blackham pula menyatakan bahawa kaunseling adalah satu proses di mana seorang kaunselor cuba untuk menolong seseorang klien yang terganggu oleh masalah yang tidak boleh dihadapinya sendiri dengan menjelaskan dan menyelesaikan masalah tersebut. Menurutnya lagi, suasana dan perhubungan antara keduanya adalah sesuatu yang unik yang mana kaunselor tidak mengkritik, membuat keputusan atau memaksa tetapi cuba untuk memudahkan klien menyelesaikan masalah yang dihadapi.<sup>3</sup>

Sementara Corey pula menjelaskan bahawa kaunseling itu sebagai satu proses di mana seseorang klien diberi peluang untuk meneroka aspek diri dan kehidupan yang menimbulkan kesusahan dan masalah baginya. Proses ini dapat memberikan satu cara atau alat bagi individu untuk mengenal diri.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup>Tolbert E.L., *Introduction to Counseling*, McGraw Hill Company, New York, 1972 hlm.9

<sup>3</sup>Garth J. Blackham, *Counseling : Theory, Process and Practive*, Wandsworth Publishing Company, California, 1968, hlm. 7.

<sup>4</sup>Corey G, *Theory and Practive of Counseling and Psychotherapy*, Wondsworth Publishing Company, California, 1977, hlm. 3.

Daripada ketiga-tiga definisi yang dinyatakan di atas, dapatlah ditegaskan bahawa kaunseling ialah satu proses interaksi antara kaunselor yang profesional, terlatih dan mahir dengan individu yang memerlukan pertolongan. Ianya dapat memberikan kemudahan atau galakan pemahaman yang berhubung dengan diri, persekitaran dan seterusnya menghasilkan pembentukan dan pengolahan matlamat serta nilai untuk mencapai kehidupan yang lebih sempurna pada masa akan datang.

### **Definisi Kaunseling Menurut Islam**

Walaupun tidak ada kajian yang khusus mengenai pengertian kaunseling dalam Islam, ianya tidak bererti kaunseling menjadi asing dari pandangan Islam. Sebenarnya bidang ini telah lama diamalkan secara langsung atau dalam tradisi hidup Islam. Al Quran dan Al Sunnah adalah bertujuan membimbing, memimpin dan memberi petunjuk kepada seluruh alam. Ini telah diisyaratkan kepada pengutusan Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana firman Allah s.w.t.

5

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya :

*"Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".<sup>6</sup>*

---

<sup>5</sup>Al-Qur'an, Al-Anbiya', 21 : Ayat 107

<sup>6</sup>Semua terjemahan ayat-ayat Al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an*, BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, cet. 11, 1994